

## KESEPAKATAN PAKAR TERHADAP KONSTRUK KOMPETENSI PENDAKWAH MASYARAKAT ORANG ASLI DI MALAYSIA

### THE CONSENSUS OF EXPERTS ON THE COMPETENCY CONSTRUCT OF ORANG ASLI COMMUNITY PREACHERS IN MALAYSIA

Abdul Ghafar Don<sup>1\*</sup>, Anuar Puteh<sup>2</sup>, Mohamad Zulkifli Abdul Ghani<sup>3</sup>, Razaleigh Kawangit@Muhamat<sup>4</sup>  
Zulkefli Aini<sup>5</sup>, Nur Nazira Rahim<sup>6</sup>

<sup>1</sup>Profesor, Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor. a.g.don@ukm.edu.my

<sup>2</sup>Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor. anteh@ukm.edu.my

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor. zulghani@ukm.edu.my

<sup>4</sup> Prof.Madya, Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor. raza@ukm.edu.my

<sup>5</sup> Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor. zulaini@ukm.edu.my

<sup>6</sup> Pelajar Doktor Falsafah, Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor.

\*Penulis Penghubung

Artikel diterima: 03 Februari 2025

Selepas Pembetulan: 21 April 2025

Diterima untuk terbit: 29 Mei 2025

#### Abstrak

Dakwah terhadap masyarakat Asli telah dilaksanakan pelbagai pihak dengan pelbagai inisiatif dan pendekatan. Usaha dakwah Orang Asli oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dilaksanakan melalui Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA). Bagaimanapun, pelaksanaan dakwah terhadap masyarakat Orang Asli oleh PMOA memerlukan kompetensi tertentu bagi memastikan keberkesanan gerakerja dakwah. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis kesepakatan pakar terhadap konstruk kompetensi pendakwah masyarakat Asli Malaysia. Kajian ini adalah kajian kuantitatif menggunakan teknik *Fuzzy Delphi Method* (FDM). Responden kajian ini melibatkan 18 orang pakar yang terdiri daripada ahli akademik, pegawai JAKIM dan PMOA. Pakar-pakar yang dilantik merupakan pakar dalam bidang dan memiliki pengalaman 5 tahun ke atas. Kajian ini memberi tumpuan kepada 3 konstruk penting berkaitan kompetensi dakwah yang perlu dikuasai PMOA iaitu konstruk persediaan diri, konstruk ilmu pengetahuan, dan konstruk sikap. Dapatan kajian menunjukkan ke semua konstruk dan item bagi pembinaan garis panduan manual standard PMOA JAKIM diterima baik dan diperlukan berdasarkan kesepakatan pakar. Ini dapat dibuktikan di mana semua item dalam konstruk yang dalam instrumen mempunyai nilai *threshold* ( $d$ )  $\leq 0.2$  atau melebihi 75%.

#### Katakunci

kesepakatan, kompetensi, konstruk, Orang Asli, Pendakwah.

#### Abstract

*Dakwah efforts towards the indigenous community have been carried out by various parties with various initiatives and approaches. The dakwah effort towards the Orang Asli community by the Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM) is carried out through the Orang Asli Community Mobilizer or in Malay Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA). However, the implementation of dakwah towards the Orang Asli community by PMOA in particular and by all preachers in general requires specific competencies to ensure the effectiveness of dakwah activities. Therefore, this study aims to examine and analyze the*

expert acceptance of the competency construct of the Orang Asli preachers in Malaysia. This study is a quantitative study using the Fuzzy Delphi Method (FDM). The study participants involved 18 experts consisting of academics, JAKIM officials, and PMOA officials. The appointed experts are specialists in their respective fields and have more than 5 years of experience. The study focuses on three important constructs related to the competency of dakwah that PMOA needs to master, namely self-preparation, knowledge, and attitude constructs. Findings indicate that all constructs and items for the development of the standard manual guidelines for JAKIM's PMOA are well-received and deemed necessary based on expert consensus. All items within the constructs have a threshold value ( $d$ ) of  $\leq 0.2$  or exceeding 75%.

**Keywords**

Concensus, competency, constructs, Orang Asli, Preachers

**1.0 Pendahuluan**

Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) merupakan jawatan yang diwujudkan hasil keputusan Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) ke-25, pada 23 Disember 1983 yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamed, Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Agama Islam ke-19 pada 22 April 1991 yang dipengerusikan oleh YAB Encik Abdul Ghafar Baba, Timbalan Perdana Menteri pada ketika itu telah meluluskan sejumlah 306 perjawatan PMOA.

Jawatan PMOA adalah bertaraf *contract of service*. Walau bagaimanapun, terdapat seramai 49 orang PMOA telah dilantik secara tetap, hasil keputusan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia berhubung pengambilan pegawai lantikan kontrak (*contract of service*) untuk tujuan lantikan secara tetap bagi yang telah berkhidmat melebihi 15 tahun pada tahun 2016. PMOA berperanan sebagai muballigh yang ditempatkan di Sembilan (9) buah negeri di Semenanjung Malaysia yang mempunyai perkampungan Orang Asli iaitu Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan. PMOA akan ditempatkan mengikut bilangan kampung yang ada di setiap negeri. Berikut adalah data jumlah PMOA pada tahun 2022.

Jadual 1: Data bilangan PMOA 2022

Bil	Negeri	Bilangan PMOA 2022
1	Johor	14
2	Kelantan	47
3	Melaka	10
4	Negeri Sembilan	19
5	Pahang	59
6	Perak/Kedah	54
7	Selangor	28
8	Terengganu	4
	Jumlah	235

Sumber: JAKIM 2022

Berdasarkan tugas PMOA pula, mereka dipertanggungjawabkan untuk menyampaikan dakwah dan memperkenalkan keindahan Islam kepada Masyarakat Orang Asli sama ada yang telah memeluk Islam mahupun kepada yang bukan Islam. PMOA juga bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain dan Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO) sekaligus menjadi pemimpin kepada masyarakat setempat dalam menyelaras dan melaksanakan program untuk kepentingan masyarakat Orang Asli. Justeru itu, hasil daripada usaha dan gerak kerja PMOA ini telah banyak memberi impak kepada dakwah antaranya meningkatkan pengislaman Orang Asli di Malaysia. Meskipun begitu, masih terdapat kelemahan dan kelompangan tertentu yang masih boleh diperbaiki dalam meningkatkan keberkesanan dakwah terhadap

masyarakat Orang Asli. Penguasaan kompetensi adalah antara masalah yang biasa dihadapi pendakwah masyarakat Asli termasuklah Penggerak masyarakat Orang Asli JAKIM. Masalah kompetensi berkaitan ilmu misalnya berlaku kerana PMOA yang dilantik adalah dalam kalangan mereka yang bukan daripada latarbelakang pengajian Islam. Isu lain berkaitan dengan kompetensi ialah berkaitan dengan aspek kemahiran dan sikap yang turut menjadi masalah dalam dakwah. Terdapat kes di mana pendakwah tidak menjalankan tanggungjawab dakwah dengan baik ataupun culas dalam melaksanakan tugas. Ini dibuktikan dengan kajian Asmadi dan ramlan (2020) yang mendapati terdapat dalam kaolongan pendakwah yang jarang masuk ke kampung Orang Asli dan hanya datang jika ada program rasmi yang dihadiri oleh orang atasan.

Berdasarkan isu dan permasalahan yang dinyatakan tersebut, kajian ini signifikan dan relevan dalam konteks menyumbang dapatan baru berkaitan kompetensi pendakwah yang boleh menjadi panduan pihak pemegang taruh berkaitan dakwah Orang Asli untuk dilaksanakan di medan dakwah.

## 2.0 Metode Kajian

Kajian ini menggunakan teknik Fuzzy Delphi. Rasional untuk penggunaan teknik ini oleh penyelidik adalah berdasarkan hujah yang dikemukakan oleh Mohd Ridhuan et al. (2017), yang menyatakan bahawa teknik Fuzzy Delphi boleh digunakan untuk mendapatkan persetujuan pakar mengenai isu tertentu. Oleh itu, untuk menangani soalan penyelidikan yang dinyatakan, penyelidik telah membangunkan satu set instrumen yang terdiri daripada tujuh item. Responden kajian ini terdiri daripada 18 pakar yang terdiri daripada ahli akademik, pegawai JAKIM, dan PMOA. Pakar-pakar yang dilantik adalah pakar dalam bidang masing-masing dan mempunyai pengalaman lebih dari 5 tahun. Pakar bidang akademik dipilih daripada mereka yang terlibat dalam membuat kajian berkaitan bidang dakwah dan juga terlibat secara langsung dalam dakwah yang boleh memberikan gambaran secara jelas tentang aspek kompetensi yang diperlukan pendakwah. Manakala pentadbir yang dipilih adalah mereka yang terlibat secara langsung dalam mengurus hal ehwal pendakwah dan dakwah Orang Asli. Sementara pendakwah yang dipilih adalah dalam kalangan mereka yang mempunyai banyak pengalaman bertugas di perkampungan Orang Asli dan telah mahir dalam selok belok dakwah. Kepakaran mereka dapat menyumbang kepada input yang berguna berkaitan kompetensi yang diperlukan dalam dakwah. Instrumen soal selidik yang dibangunkan mengandungi 3 konstruk yang menjadi fokus kajian berkaitan kompetensi pendakwah masyarakat Asli, iaitu: konstruk persediaan diri, konstruk pengetahuan, dan konstruk sikap. Untuk melaksanakan teknik Fuzzy Delphi dalam kajian ini, penyelidik terlebih dahulu menentukan dan menyusun item-item yang dihasilkan melalui dapatan Fasa I dalam bentuk yang ringkas dan mudah difahami oleh panel pakar. Langkah seterusnya ialah mengenal pasti sekumpulan pakar yang bersedia memberi input dan idea berdasarkan kepakaran mereka untuk memperbaiki kandungan item-item yang telah ditentukan sebelumnya oleh penyelidik. Para pakar diminta untuk menunjukkan tahap persetujuan mereka untuk setiap item, yang merangkumi darjah Tidak Setuju Kuat, Tidak Setuju, Sedikit Tidak Setuju, Neutral, Sedikit Setuju, Setuju, hingga Setuju Kuat. Selepas semua pakar telah menunjukkan tahap persetujuan, mereka diberi peluang untuk memberikan pandangan individu bagi setiap item. Data dari Skala Likert yang diperolehi kemudiannya diterjemahkan ke dalam data nombor Fuzzy dan dianalisis menggunakan perisian Microsoft Excel.

Responden kajian ini melibatkan 18 orang pakar yang terdiri daripada ahli akademik, pegawai JAKIM dan PMOA yang berpengalaman luas dalam dakwah Orang Asli. Pakar-pakar yang dilantik merupakan pakar dalam bidang dan memiliki pengalaman lima tahun ke atas. Berikut merupakan senarai jawatan pakar dan tempoh berkhidmat.

Jadual 2: Senarai Pakar Fuzzy Delphi

PAKAR	JAWATAN	BIDANG KEPAKARAN
Pakar 1	Pensyarah Pusat Pengajian Pendidikan, Dakwah dan Peradaban Islam, UNISZA.	Dakwah, Kemasyarakatan dan Pentadbiran

Pakar 2	Pensyarah UNIPSAS	Dakwah
Pakar 3	Pensyarah Pusat Kajian dan Dakwah, FPI, UKM.	Dakwah dan Kaunseling
Pakar 4	Pensyarah Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, FPI, UKM.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hal Ehwal Masyarakat Muslim.</li> <li>• Pengurusan Dakwah.</li> <li>• Gerakan Dakwah.</li> <li>• Maqasid Dakwah.</li> </ul>
Pakar 5	Pensyarah Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, FPI, UKM.	Dakwah, Wanita dan Keluarga.
Pakar 6	PMOA	Pengalaman 26 tahun sebagai PMOA
Pakar 7	Pegawai Lembaga Zakat Kedah	Pembantu Zakat
Pakar 8	Pembantu Hal Ehwal Islam, JAIJ.	Unit Ukhuwah
Pakar 9	Pegawai Majlis Agama Islam & Adat Resam Melayu, Pahang.	Dakwah
Pakar 10	Penyelaras Pembangunan Insaniah Masyarakat Asli (PEPIMA)	Pembangunan Masyarakat Orang Asli.
Pakar 11	PMOA Mersing.	Pengalaman 29 tahun sebagai PMOA
Pakar 12	PMOA Kelantan	Pengalaman 27 tahun sebagai PMOA
Pakar 13	PMOA Raub, Pahang	Pengalaman 23 tahun sebagai PMOA
Pakar 14	PMOA Bentong, Pahang	Pengalaman 29 tahun sebagai PMOA
Pakar 15	PMOA Raub, Pahang	Pengalaman 23 tahun sebagai PMOA
Pakar 16	PMOA Bentong, Pahang	Pengalaman 13 tahun sebagai PMOA
Pakar 17	PMOA Bentong, Pahang	Pengalaman 13 tahun sebagai PMOA
Pakar 18	PMOA Bentong, Pahang	Pengalaman 10 tahun sebagai PMOA

### 3.0 Dapatan

Dapatan kajian ini menjelaskan terdapat tiga konstruk yang dikenalpasti berdasarkan literatur dan persetujuan pakar pengesahan konstruk dan item kajian. Dapatan Fuzzy Deplhi berkaitan konstruk dan item yang dipersetujui pakar dijelaskan seperti berikut:

#### 3.1 Konstruk Persediaan Diri

Terdapat 9 item yang diberikan kepada pakar adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3:

Jadual 3: Item Konstruk Persediaan Diri

Bil	Item
1	PMOA hendaklah memahami dan menghayati makna tugas sebagai seorang PMOA
2	PMOA hendaklah minat terhadap kerjaya sebagai PMOA.
3	PMOA hendaklah mempunyai kemudahan dan peralatan yang diperlukan dalam gerak kerja dakwah di perkampungan Orang Asli seperti kenderaan dan telefon mudah alih

4	PMOA hendaklah mempunyai kekuatan kerohanian untuk berdakwah di perkampungan Orang Asli.
5	PMOA hendaklah mempunyai kekuatan mental untuk berdakwah di perkampungan Orang Asli.
6	PMOA hendaklah mempunyai emosi yang stabil untuk berdakwah di perkampungan Orang Asli
7	PMOA hendaklah berupaya menilai dan mengenalpasti kekuatan dan kelemahan diri dalam inisiatif memacu gerak kerja dakwah
8	PMOA hendaklah berupaya mengenalpasti peluang dan ancaman dalam gerak kerja dakwah di perkampungan Orang Asli
9	PMOA hendaklah mempunyai perancangan yang baik dalam gerak kerja dakwah di perkampungan Orang Asli.

Nilai *threshold(d)*, peratusan konsensus pakar dan *defuzzification* bagi item-item di atas ditunjukkan dalam Jadual 4:

Jadual 4: Nilai *Threshold (D)*, Peratusan Konsensus Pakar dan *Defuzzification*

Pakar	1	2	3	4	5	6	7	8	9
Pakar 1	0.138	0.109	0.115	0.032	0.029	0.019	0.067	0.132	0.247
Pakar 2	0.035	0.064	0.115	0.032	0.029	0.135	0.106	0.132	0.016
Pakar 3	0.035	0.064	0.000	0.026	0.029	0.038	0.067	0.042	0.042
Pakar 4	0.035	0.064	0.058	0.026	0.029	0.038	0.067	0.042	0.042
Pakar 5	0.035	0.064	0.058	0.026	0.029	0.038	0.067	0.042	0.016
Pakar 6	0.035	0.064	0.058	0.026	0.029	0.038	0.067	0.042	0.042
Pakar 7	0.138	0.064	0.058	0.026	0.029	0.038	0.067	0.042	0.042
Pakar 8	0.035	0.064	0.115	0.026	0.029	0.038	0.106	0.016	0.042
Pakar 9	0.035	0.064	0.000	0.032	0.029	0.135	0.010	0.132	0.016
Pakar 10	0.035	0.064	0.115	0.026	0.029	0.038	0.010	0.042	0.042
Pakar 11	0.035	0.006	0.000	0.026	0.029	0.019	0.106	0.016	0.016
Pakar 12	0.022	0.000	0.058	0.026	0.029	0.038	0.067	0.042	0.042
Pakar 13	0.035	0.006	0.058	0.032	0.144	0.019	0.010	0.016	0.016
Pakar 14	0.022	0.006	0.000	0.032	0.029	0.019	0.106	0.042	0.016
Pakar 15	0.022	0.006	0.000	0.032	0.029	0.038	0.010	0.042	0.042
Pakar 16	0.035	0.006	0.058	0.032	0.029	0.019	0.010	0.016	0.016
Pakar 17	0.022	0.006	0.058	0.026	0.029	0.019	0.106	0.042	0.016
Pakar 18	0.022	0.006	0.000	0.032	0.029	0.038	0.010	0.042	0.042
Nilai <i>Threshold (d)</i> Setiap Item	0.043	0.041	0.051	0.029	0.035	0.043	0.059	0.051	0.042
Purata 'd' Treshold	0.0437								
Peratus Setiap Item $d \leq 0.2$	94%	89%	90%	96%	95%	93%	88%	93%	93%
Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar	92%								

Defuzzication	0.939	0.889	0.900	0.956	0.950	0.933	0.883	0.928	0.928
Ranking	3	8	7	1	2	4	9	5	6
Status	Terima	Terima	Terima	Terima	Terima	Terima	Terima	Terima	Terima

\* Kaedah 1: Nilai *threshold* ( $d$ )  $\leq 0.2$  = Terima

\*\* Kaedah 2: Peratus Pakar  $\geq 75\%$  = Kesepakatan Kumpulan Terima

Berdasarkan Jadual 4, semua item mempunyai nilai *threshold* ( $d$ )  $\leq 0.2$ . Ini bermaksud item tersebut telah mendapat konsensus pakar (Cheng & Lin, 2002: 174-186). Begitu juga peratus persetujuan pakar menunjukkan kesemua item berada melebihi nilai 75% iaitu peratus keseluruhan sebanyak 92%. Ini menunjukkan semua item bagi konstruk persediaan diri mendapat konsensus dari para pakar. Hanya nilai skor fuzzy yang mempunyai nilai di atas 0.5 sahaja akan disalin dan diletakkan pada bahagian elemen diterima (Mohd Ridhuan Mohd Jamil, 2020: 182)

Berdasarkan jadual tersebut nilai *threshold* yang dihitamkan melebihi nilai *threshold* 0.2 ( $> 0.2$ ). Ini bermaksud terdapat pendapat pakar yang tidak sekata dan tidak mencapai konsensus terhadap item-item tertentu. Hanya satu item sahaja yang mendapat skala empat iaitu item 9 "PMOA hendaklah mempunyai perancangan yang baik dalam gerak kerja dakwah di perkampungan Orang Asli. Walaubagaimanapun, nilai *threshold* konstruk  $d$  keseluruhan menunjukkan 0.0437 ( $< 0.2$ ).

Bagi item 5 'PMOA hendaklah mempunyai kekuatan mental untuk berdakwah di perkampungan Orang Asli', pakar 1 mencadangkan perlu ada perkongsian pintar dan gerak kerja dakwah jamaie. Manakala bagi item 6 'PMOA hendaklah mempunyai emosi yang stabil untuk berdakwah di perkampungan Orang Asli', pakar 1 turut mencadangkan agar perlu ada ujian kecerdasan akal kepada PMOA. Bagi item 7 juga 'PMOA hendaklah berupaya menilai dan mengenalpasti kekuatan dan kelemahan diri dalam inisiatif memacu gerak kerja dakwah', pakar 1 mencadangkan perlu penyeliaan dan penaziran rutin bulanan terhadap PMOA.

Selain itu, kesemua nilai *defuzzication Alpha-Cut (average of fuzzy response)* melebihi 0.5. Ini menunjukkan bahawa kesemua item bagi konstruk persediaan diri diterima kesemua pakar. Hasil daripada analisa menggunakan *Fuzzy Delphi Method*, dapat disimpulkan bahawa kesemua item telah mendapat persetujuan daripada kumpulan. Proses mendapat konsensus daripada kumpulan pakar menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi Method* dianggap sebagai proses kesahan kandungan.

Jadual 5 berikut merupakan item konstruk persediaan diri yang telah disusun mengikut ranking keutamaan:

Jadual 5: Susunan Keutamaan Item bagi Persediaan Diri

Bil	Item
1	PMOA hendaklah mempunyai kekuatan kerohanian untuk berdakwah di perkampungan Orang Asli.
2	PMOA hendaklah mempunyai kekuatan mental untuk berdakwah di perkampungan Orang Asli.
3	PMOA hendaklah memahami dan menghayati makna tugas sebagai seorang PMOA
4	PMOA hendaklah mempunyai emosi yang stabil untuk berdakwah di perkampungan Orang Asli
5	PMOA hendaklah berupaya mengenalpasti peluang dan ancaman dalam gerak kerja dakwah di perkampungan Orang Asli
6	PMOA hendaklah mempunyai perancangan yang baik dalam gerak kerja dakwah di perkampungan Orang Asli.
7	PMOA hendaklah mempunyai kemudahan dan peralatan yang diperlukan dalam gerak kerja dakwah di perkampungan Orang Asli seperti kenderaan dan telefon mudah alih

8	PMOA hendaklah minat terhadap kerjaya sebagai PMOA.
9	PMOA hendaklah berupaya menilai dan mengenalpasti kekuatan dan kelemahan diri dalam inisiatif memacu gerak kerja dakwah.

### 3.2 Konstruk Penguasaan Ilmu Pengetahuan

Terdapat 10 item yang diberikan kepada pakar berkaitan konstruk ilmu pengetahuan adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 6:

Jadual 6: Item Konstruk Penguasaan Ilmu Pengetahuan

Bil	Item
1	PMOA hendaklah menguasai bacaan al-Quran dan hafalan surah-surah lazim dengan baik
2	PMOA hendaklah menguasai ilmu tauhid dengan baik.
3	PMOA hendaklah menguasai ilmu fekah dengan baik.
4	PMOA hendaklah menguasai ilmu akhlak dengan baik.
5	PMOA hendaklah menguasai ilmu dakwah dan sirah.
6	PMOA hendaklah mengetahui isu-isu semasa khususnya berkaitan hal ehwal masyarakat Orang Asli seperti isu tanah adat dan ancaman penyakit berjangkit.
7	PMOA hendaklah mengetahui latarbelakang, kepercayaan, adat, Bahasa, budaya masyarakat Orang Asli.
8	PMOA hendaklah mengetahui anasir-anasir yang mengancam kedudukan Islam/dakwah diperkampungan Orang Asli seperti Gerakan misionari Kristian dan ajaran sesat.
9	PMOA hendaklah mengetahui individu yang berpengaruh di perkampungan Orang Asli seperti Tok Batin dan MPKKOA.
10	PMOA hendaklah mengetahui kecenderungan dan minat, kehidupan, masyarakat Orang Asli seperti jenis sukan dan makanan

Nilai *threshold(d)*, peratusan konsensus pakar dan *defuzzification* bagi item-item di atas ditunjukkan dalam Jadual 7:

Jadual 7: Nilai *Threshold (D)*, Peratusan Konsensus Pakar dan *Defuzzification*

Pakar	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
Pakar 1	0.135	0.042	0.151	0.157	0.157	0.029	0.151	0.257	0.154	0.250
Pakar 2	0.038	0.016	0.022	0.016	0.016	0.029	0.022	0.032	0.019	0.019
Pakar 3	0.038	0.016	0.022	0.016	0.016	0.029	0.022	0.032	0.019	0.038
Pakar 4	0.038	0.016	0.022	0.016	0.016	0.029	0.022	0.032	0.019	0.038
Pakar 5	0.135	0.016	0.022	0.016	0.042	0.029	0.022	0.032	0.019	0.019
Pakar 6	0.038	0.016	0.022	0.016	0.016	0.029	0.022	0.032	0.019	0.038
Pakar 7	0.019	0.016	0.022	0.016	0.016	0.029	0.022	0.026	0.038	0.019
Pakar 8	0.019	0.016	0.035	0.042	0.016	0.029	0.022	0.026	0.019	0.038
Pakar 9	0.038	0.016	0.022	0.016	0.016	0.029	0.022	0.032	0.019	0.038
Pakar 10	0.038	0.016	0.022	0.016	0.016	0.029	0.022	0.032	0.019	0.038
Pakar 11	0.019	0.042	0.035	0.042	0.016	0.029	0.035	0.032	0.038	0.019
Pakar 12	0.038	0.016	0.022	0.016	0.016	0.029	0.022	0.032	0.019	0.038
Pakar 13	0.019	0.042	0.035	0.016	0.016	0.029	0.035	0.026	0.019	0.019
Pakar 14	0.038	0.016	0.022	0.016	0.016	0.029	0.022	0.032	0.019	0.038
Pakar 15	0.038	0.016	0.022	0.016	0.016	0.029	0.022	0.032	0.019	0.038
Pakar 16	0.019	0.042	0.035	0.016	0.016	0.029	0.035	0.026	0.019	0.019

Pakar 17	0.019	0.042	0.022	0.016	0.042	0.029	0.035	0.026	0.038	0.019
Pakar 18	0.038	0.016	0.022	0.016	0.016	0.029	0.022	0.032	0.019	0.038
Nilai <i>Threshold</i> (d) Setiap Item	0.043	0.023	0.032	0.027	0.027	0.029	0.032	0.043	0.030	0.043
Purata 'd' Treshold	0.0329									
Peratus Setiap Item d ≤ 0.2	97%	90%	96%	97%	97%	95%	96%	94%	97%	93%
Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar	96%									
Defuzzication	0.933	0.972	0.961	0.972	0.972	0.950	0.961	0.944	0.967	0.933
Ranking	9	1	6	2	3	7	5	8	4	10
Status	Terima	Terima	Terima	Terima	Terima	Terima	Terima	Terima	Terima	Terima

\* Kaedah 1: Nilai *threshold* (d) ≤ 0.2 = Terima

\*\* Kaedah 2: Peratus Pakar ≥ 75% = Kesepakatan Kumpulan Terima

Daripada analisis yang dijalankan, kesemua item mempunyai nilai *threshold* (d) ≤ 0.2. Ini bermaksud item tersebut telah mendapat konsensus pakar (Cheng & Lin, 2002: 174-186). Peratusan kesepakatan pakar juga adalah 96% melebihi nilai 75%. Ini menunjukkan semua item bagi konstruk persediaan diri mendapat konsensus dari para pakar. Selain itu, kesemua nilai *defuzzication Alpha-Cut* (*average of fuzzy response*) melebihi 0.5. Ini menunjukkan bahawa kesemua item bagi konstruk penguasaan ilmu/pengetahuan diterima kesemua pakar.

Berdasarkan jadual 7, terdapat dua nilai *threshold* yang dihitamkan melebihi nilai *threshold* 0.2 (> 0.2) iaitu pada item 8 dan 10. Ini bermaksud terdapat pendapat pakar yang tidak sekata dan tidak mencapai konsensus terhadap item-item tertentu. Pada item 8' PMOA hendaklah mengetahui anasir-anasir yang mengancam kedudukan Islam/dakwah diperkampungan Orang Asli seperti Gerakan misionari Kristian dan ajaran sesat'. Pakar 1 memberikan skala 4 dan juga memberikan cadangan perlu pendedahan yang berkala. Walaubagaimanapun, nilai *threshold* konstruk d keseluruhan menunjukkan 0.043 (<0.2). Pada item 10 juga' PMOA hendaklah mengetahui kecenderungan dan minat, kehidupan, masyarakat Orang Asli seperti jenis sukan dan makanan' pakar 1 memberikan skala 4.

Bagi item 1 juga, pakar 5 turut memberi cadangan untuk mengasingkan bacaan al-Quran dan hafalan surah-surah lazim dengan baik. Pada item 5, pakar 4 berpandangan untuk mengasingkan ilmu dakwah dan sirah. Walaubagaimanapun, nilai *defuzzication* pada item 5 melebihi 0.5 iaitu 0.972. Ini menunjukkan bahawa kesemua item bagi konstruk penguasaan ilmu pengetahuan diterima kesemua pakar.

Jadual 8 berikut merupakan item konstruk ilmu pengetahuan yang telah disusun mengikut ranking keutamaan:

Jadual 8: Susunan Keutamaan Item bagi Konstruk Ilmu Pengetahuan

Bil	Item
1	PMOA hendaklah menguasai ilmu tauhid dengan baik.
2	PMOA hendaklah menguasai ilmu akhlak dengan baik.
3	PMOA hendaklah menguasai ilmu dakwah dan sirah.
4	PMOA hendaklah mengetahui individu yang berpengaruh di perkampungan Orang Asli seperti Tok Batin dan MPKKOA.

5	PMOA hendaklah mengetahui latarbelakang, kepercayaan, adat, Bahasa, budaya masyarakat Orang Asli.
6	PMOA hendaklah menguasai ilmu fekah dengan baik.
7	PMOA hendaklah mengetahui isu-isu semasa khususnya berkaitan hal ehwal masyarakat Orang Asliseperti isu tanah adat dan ancaman penyakit berjangkit.
8	PMOA hendaklah mengetahui anasir-anasir yang mengancam kedudukan Islam/dakwah diperkampungan Orang Asli seperti Gerakan misionari Kristian dan ajaran sesat.
9	PMOA hendaklah menguasai bacaan al-Quran dan hafalan surahsurah lazim dengan baik
10	PMOA hendaklah mengetahui kecenderungan dan minat, kehidupan, masyarakat Orang Asli seperti jenis sukan dan makanan

### 3.3 Konstruk Sikap

Terdapat 9 item berkaitan konstruk sikap yang diberikan kepada pakar adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 9:

Bil	Item
1	PMOA hendaklah sentiasa mempunyai motivasi yang tinggi ketika berdakwah.
2	PMOA hendaklah ikhlas seperti tidak berkira dalam gerak kerja dakwah.
3	PMOA hendaklah sentiasa menjalankan tugas dakwah dengan penuh komited
4	PMOA hendaklah melaksanakan tugas dakwah dengan penuh amanah.
5	PMOA hendaklah sentiasa mempunyai sikap kesiapsiagaan dalam dakwah.
6	PMOA hendaklah sentiasa prihatin atau cakna terhadap masalah masyarakat Orang Asli.
7	PMOA hendaklah sentiasa bersedia membantu dan berkhidmat untuk masyarakat Orang Asli.
8	PMOA hendaklah sentiasa Saya perlu sentiasa konsisten dan istiqamah dalam menyampaikan kandungan dakwah terhadap masyarakat Orang Asli.
9	PMOA hendaklah sentiasa berusaha meningkatkan kualiti diri dengan menguasai ilmu dan kemahiran seperti menyertai kursus, bengkel dan majlis ilmu.
10	PMOA hendaklah bersikap tawaduk dalam gerak kerja dakwah kepada Orang Asli.
11	PMOA hendaklah sentiasa bersikap terbuka dalam proses gerakerja dakwah
12	PMOA hendaklah bersikap sabar dalam gerak kerja dakwah kepada Orang Asli.

Jadual 9: Konstruk Sikap

Nilai *threshold*(d), peratusan konsensus pakar dan *defuzzification* bagi item-item di atas ditunjukkan dalam Jadual 10:

Jadual 10: Nilai *Threshold* (D), Peratusan Konsensus Pakar dan *Defuzzification*

Pakar	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12
Pakar 1	0.055	0.083	0.05 1	0.05 1	0.13 8	0.26 6	0.26 3	0.038	0.269	0.250	0.04 2	0.164
Pakar 2	0.003	0.083	0.00 6	0.00 6	0.03 5	0.02 2	0.02 6	0.019	0.019	0.038	0.01 6	0.010
Pakar 3	0.003	0.083	0.00 6	0.00 6	0.03 5	0.02 2	0.02 6	0.019	0.019	0.038	0.01 6	0.010
Pakar 4	0.003	0.205	0.00 6	0.00 6	0.03 5	0.02 2	0.02 6	0.019	0.019	0.038	0.01 6	0.010
Pakar 5	0.003	0.083	0.00 6	0.00 6	0.03 5	0.02 2	0.02 6	0.019	0.019	0.038	0.01 6	0.010
Pakar 6	0.003	0.083	0.00 6	0.00 6	0.03 5	0.02 2	0.02 6	0.019	0.019	0.038	0.01 6	0.010

Pakar 7	0.003	0.083	0.006	0.006	0.035	0.022	0.032	0.038	0.038	0.038	0.016	0.010
Pakar 8	0.003	0.083	0.006	0.006	0.022	0.022	0.026	0.019	0.019	0.038	0.016	0.010
Pakar 9	0.003	0.083	0.006	0.006	0.035	0.022	0.026	0.019	0.019	0.038	0.016	0.010
Pakar 10	0.003	0.083	0.006	0.006	0.035	0.022	0.032	0.019	0.019	0.038	0.016	0.010
Pakar 11	0.003	0.026	0.006	0.006	0.022	0.022	0.026	0.019	0.019	0.019	0.016	0.010
Pakar 12	0.003	0.083	0.006	0.006	0.035	0.022	0.026	0.019	0.019	0.038	0.016	0.010
Pakar 13	0.003	0.205	0.006	0.006	0.022	0.022	0.026	0.038	0.019	0.019	0.042	0.010
Pakar 14	0.003	0.083	0.006	0.006	0.035	0.022	0.026	0.019	0.019	0.019	0.016	0.010
Pakar 15	0.003	0.205	0.006	0.006	0.022	0.022	0.026	0.038	0.019	0.019	0.042	0.010
Pakar 16	0.003	0.205	0.006	0.006	0.022	0.022	0.026	0.038	0.019	0.019	0.042	0.010
Pakar 17	0.003	0.083	0.051	0.051	0.138	0.035	0.032	0.038	0.019	0.019	0.016	0.010
Pakar 18	0.003	0.205	0.006	0.006	0.035	0.035	0.026	0.019	0.019	0.019	0.042	0.010
Nilai <i>Threshold</i> (d) Setiap Item	0.006	0.114	0.011	0.011	0.043	0.037	0.040	0.026	0.034	0.043	0.023	0.018
Purata 'd' Treshold	0.0339											
Peratus Setiap Item d ≤ 0.2	99%	86%	99%	99%	94%	96%	96%	97%	97%	93%	97%	98%
Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar	96%											
Defuzzification	0.994	0.856	0.989	0.989	0.939	0.961	0.956	0.967	0.967	0.933	0.972	0.972
Ranking	1	12	2	3	10	8	9	6	7	11	4	5
Status	Terima	Terima	Terima	Terima	Terima	Terima	Terima	Terima	Terima	Terima	Terima	Terima

\* Kaedah 1: Nilai *threshold* (d) ≤ 0.2 = Terima

\*\* Kaedah 2: Peratus Pakar ≥ 75% = Kesepakatan Kumpulan Terima

Berdasarkan Jadual 10, semua item mempunyai nilai *threshold* (d) ≤ 0.2. Ini bermaksud item tersebut telah mendapat konsensus pakar (Cheng & Lin, 2002: 174-186). Begitu juga peratus persetujuan pakar menunjukkan kesemua item berada melebihi nilai 75% iaitu peratus keseluruhan sebanyak 96%. Ini menunjukkan semua item bagi konstruk sikap mendapat konsensus dari para pakar. Hanya nilai skor *fuzzy*

yang mempunyai nilai di atas 0.5 sahaja akan disalin dan diletakkan pada bahagian elemen diterima (Mohd Ridhuan Mohd Jamil, 2020: 182)

Berdasarkan jadual tersebut terdapat beberapa item nilai *threshold* yang dihitamkan melebihi nilai *threshold* 0.2 ( $> 0.2$ ). Ini bermaksud terdapat pendapat pakar yang tidak sekata dan tidak mencapai konsensus terhadap item-item tertentu. Walaubagaimanapun, nilai *threshold* konstruk keseluruhan item menunjukkan 0.0339 ( $< 0.2$ ) iaitu tidak melebihi 0.2.

Berdasarkan jadual 10, terdapat 5 orang pakar yang memberikan skala 4 iaitu sederhana setuju pada item 2 'PMOA hendaklah ikhlas seperti tidak berkira dalam gerak kerja dakwah' menjadikan peratusan pada item tersebut sebanyak 86%. Pakar 4 turut memberi cadangan penggunaan perkataan 'ikhlas' itu terlalu umum dan mungkin tidak dapat difahami. Dicadangkan untuk menggunakan perkataan 'tidak berkira', 'jujur' atau 'amanah'.

Selain itu, terdapat cadangan yang diberikan oleh pakar 1 bagi item 1 iaitu 'PMOA hendaklah sentiasa mempunyai motivasi yang tinggi ketika berdakwah'. Pakar 1 mencadangkan perlu insentif untuk memberikan kerja lebih masa kepada PMOA.

Secara keseluruhan, kesemua nilai *defuzzification Alpha-Cut (average of fuzzy response)* melebihi 0.5. Ini menunjukkan bahawa kesemua item bagi konstruk sikap diterima kesemua pakar. Hasil daripada analisa menggunakan *Fuzzy Delphi Method*, dapat disimpulkan bahawa kesemua item telah mendapat persetujuan daripada kumpulan pakar. Proses mendapat konsensus daripada kumpulan pakar menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi Method* dianggap sebagai proses kesahan kandungan.

Jadual 11 berikut merupakan item konstruk sikap yang telah disusun mengikut ranking keutamaan:

Jadual 11: Susunan Keutamaan Item Bagi Konstruk sikap

Bil	Item
1	PMOA hendaklah sentiasa mempunyai motivasi yang tinggi ketika berdakwah
2	PMOA hendaklah sentiasa menjalankan tugas dakwah dengan penuh komited
3	PMOA hendaklah melaksanakan tugas dakwah dengan penuh amanah
4	PMOA hendaklah sentiasa bersikap terbuka dalam gerak kerja dakwah
5	PMOA hendaklah bersikap sabar dalam gerak kerja dakwah kepada Orang Asli.
6	PMOA hendaklah sentiasa konsisten dan istiqamah dalam menyampaikan kandungan dakwah terhadap masyarakat Orang Asli.
7	PMOA hendaklah sentiasa berusaha meningkatkan kualiti diri dengan menguasai ilmu dan kemahiran seperti menyertai kursus, bengkel dan majlis ilmu.
8	PMOA hendaklah sentiasa prihatin atau cakna terhadap masalah masyarakat Orang Asli.
9	PMOA hendaklah sentiasa bersedia membantu dan berkhidmat untuk masyarakat Orang Asli.
10	PMOA hendaklah sentiasa mempunyai sikap kesiapsiagaan dalam dakwah.
11	PMOA hendaklah bersikap tawaduk dalam gerak kerja dakwah kepada Orang Asli
12	PMOA hendaklah ikhlas seperti tidak berkira dalam gerak kerja dakwah

#### 4.0 Perbincangan

Tujuan utama kajian ini adalah untuk menentukan kesepakatan pakar terhadap konstruk kompetensi pendakwah masyarakat Asli di Malaysia atau lebih dikenali sebagai Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA). Konstruk yang dijadikan fokus kajian ini ialah persediaan diri, ilmu pengetahuan dan sikap. Semua konstruk tersebut merupakan aspek terpenting bagi PMOA yang bertugas menyantuni dan membimbing masyarakat orang Asli (Faiz Rahim & Zulkefli Aini, 2017; Ismail Naim, 2020; Nor Izzatul Husna Burhan, 2022; Wan Nur Huna et al., 2024). Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua item pada setiap

konstruk mendapat kesepakatan pakar. Ia memperlihatkan bagaimana konstruk tersebut membantu meningkatkan PMOA dalam gerak kerja dakwah sebagaimana yang disahkan dalam kajian Abdul Ghafar et al (2019) dan Zulkefli et al (2024).

#### 4.1 Konstruk Persediaan Diri PMOA

Dapatan kajian mendapati konstruk persediaan diri PMOA berdasarkan kedudukan (rangking) bagi setiap item seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5 menunjukkan bahawa PMOA perlu membuat persediaan diri dari segi kerohanian, kekuatan mental, kefahaman dan penghayatan terhadap tugas yang diamanahkan, emosi yang stabil, kenalpasti terhadap peluang dan ancaman, perancangan yang baik, kemudahan dan peralatan yang diperlukan, serta kenalpasti kekuatan dan kelemahan diri. Kajian Zulkefli dan Nor Izzatul Husna (2022), umpamanya, selari dapatan tersebut apabila mendapati persediaan pendakwah orang Asli termasuk PMOA dari segi kerohanian memfokuskan kepada tiga perkara iaitu aspek akidah, akhlak dan ibadah. Dalam perkara akidah, pendakwah menerapkan nilai-nilai rukun iman dalam kehidupan. Manakala aspek akhlak menuntut pendakwah menghayati sifat mahmudah seperti syukur, ihsan, sabar, pemaaf, jujur, pemurah, menghormati orang yang lebih tua, berlapang dada, peramah, mesra, beradab dengan orang lain dan menjaga hubungan baik sesama manusia. Sementara itu, aspek ibadah memerlukan pendakwah melaksanakan ibadah wajib dan sunat, membaca al-Quran dan memimpin program atau aktiviti keagamaan seperti bacaan surah Yasin dan tahlil. Dalam konteks persediaan emosi, menurut Nor Izzatul Husna (2022) ia dikaitkan dengan kemampuan PMOA untuk memiliki rasa empati terhadap orang lain, memiliki rasa sayang terhadap diri sendiri, mempunyai rasa percaya diri, mempunyai kesedaran sendiri, memotivasikan diri sendiri dan orang lain, tidak terburu-buru membuat keputusan, sentiasa mempunyai ketenangan jiwa, memiliki rasa sayang terhadap orang lain, mengawal emosi diri dengan baik, mengawal perasaan marah, mengurus perasaan sedih, menonjolkan perasaan gembira dan tidak menzahirkan rasa takut. Persediaan PMOA dari segi mental atau intelek pula, dalam kajian Nor Izzatul Husna (2022), terdapat beberapa elemen yang perlu diberi perhatian iaitu memiliki sikap ingin tahu serta sentiasa ingin belajar, memupuk sikap rajin dalam mencari ilmu, berusaha meningkatkan ilmu, memiliki ilmu pengetahuan agama, menjaga diri daripada mengambil perkara-perkara yang merosakkan akal, memupuk sifat minat membaca serta memupuk budaya berbincang dan bertukar fikiran. Di samping itu, ketika membincangkan tentang cabaran yang dihadapi oleh pendakwah orang Asli seperti PMOA dari segi lokasi yang terlekat di kawasan pedalaman di dalam hutan, kewangan, sikap pendakwah sendiri, maklum balas daripada orang Asli dan persaingan dari agama Kristian, Asmadi dan Ramlan (2020) berpandangan bahawa cabaran tersebut perlu diatasi melalui perancangan yang berstrategi dan tindakan yang proaktif supaya dakwah kepada masyarakat tersebut terus lestari.

#### 4.2 Konstruk Ilmu Pengetahuan PMOA

Dapatan kajian menunjukkan pengetahuan PMOA berdasarkan kedudukan (rangking) bagi setiap item seperti yang terdapat dalam Jadual 8 bahawa dari segi urutan keutamaan disiplin ilmu, PMOA perlu menguasai sekurang-kurangnya tiga jenis ilmu, iaitu ilmu yang berteraskan keislaman (al-thaqafah al-Islamiyyah), ilmu kemanusiaan (al-thaqafah al-insaniyyah) dan ilmu yang berteraskan realiti masyarakat (al-tahqafah al-waqi'iyah). Klasifikasi ilmu tersebut adalah berdasarkan kerangka ilmu yang perlu dikuasai oleh pendakwah yang dikemukakan oleh al-Qaradawi (1978) bagi melengkapkan kerangka persediaan seseorang pendakwah yang dibincangkan oleh Zaydan (1993) dan al-Bayanuni (1995). Justeru dalam konteks ilmu keislaman yang dikuasai oleh PMOA berdasarkan susunan keutamaan ialah ilmu tauhid, akhlak, dakwah dan sirah, fekah dan al-Quran. Manakala, ilmu kemanusiaan yang dikuasai oleh PMOA ialah ilmu sosiologi yang berkaitan dengan masyarakat orang Asli. Ilmu tersebut merangkumi aspek latarbelakang, kepercayaan, adat, bahasa dan budaya masyarakat tersebut. Ilmu yang berkaitan dengan realiti masyarakat pula adalah dari segi keupayaan PMOA mengetahui keadaan semasa yang melatari masyarakat orang Asli seperti kepimpinan, isu setempat seperti isu tanah dan ancaman penyakit yang menjangkiti penduduk orang Asli, anasir-anasir yang mengancam kedudukan Islam atau dakwah di perkampungan Orang Asli seperti gerakan misionari Kristian dan ajaran sesat serta kecenderungan dan minat, kehidupan, masyarakat Orang Asli seperti jenis sukan dan makanan.

Terdapat beberapa kajian yang mengesahkan dapatan tersebut. Antaranya ialah kajian Zulkefli dan Nur Uswah (2020) mendapati PMOA mengutamakan ilmu tauhid sebagai topik komunikasi ketika berdakwah kepada masyarakat Orang Asli terutama mereka yang sudah beragama Islam. Walau bagaimanapun, kajian mendapati topik syariah seperti bab ibadah tidak mendapat tempat utama ketika PMOA melakukan perbincangan bersama orang Asli muslim. Orang Asli kebiasaannya bertanya tentang keadaan orang Islam yang tidak mengamalkan ajaran Islam seperti tidak berpuasa. Keadaan ini, bagaimanapun, tidak menghalang PMOA untuk terus mengajar mereka bab fikah seperti bersuci dan solat. Dari segi ilmu al-Quran seperti tilawah dan tajwid pula, ilmu tersebut amat penting dalam dakwah kepada masyarakat orang Asli muslim melalui kelas pengajian. Hal ini bertepatan dengan kajian Siti Nurleha et al (2024) yang mendapati sebahagian orang Asli, seperti pelajar, menghadapi masalah kemampuan penguasaan ilmu yang lemah dalam pembacaan al-Quran.

Sementara itu, Kajian Aini dan Sabri (2019) merumuskan para pendakwah seperti PMOA perlu mempunyai kemahiran membaca suasana dan persekitaran masyarakat Orang Asli melalui pendekatan *fiqh al-waqi'* dan *fiqh al-awlawiyyat* supaya dakwah kepada kumpulan tersebut terus relevan. Perkara yang lebih penting ialah kesungguhan para pendakwah untuk menjaga akidah umat Islam dalam kalangan Orang Asli supaya tidak terpengaruh perlu lebih prihatin terhadap usaha gerakan Kristianisasi supaya akidah masyarakat Orang Asli muslim terjaga dan bertambah padu pegangan mereka terhadap ajaran Islam. Para pendakwah tidak seharusnya memandang remeh dan enteng terhadap cabaran luaran yang datang daripada ajaran agama yang bersifat misionari untuk menggugat akidah dan pelaksanaan ajaran Islam dalam kalangan Orang Asli. Kajian Zulkefli et al (2019) pula yang memfokuskan tentang usaha PMOA membina hubungan komunikasi dakwah bersama masyarakat orang Asli mendapati PMOA memberi penekanan tentang fungsi dan peranan bahasa ketika berdakwah, termasuklah mempelajari dan menggunakan bahasa yang dituturkan oleh orang Asli. Seterusnya, PMOA turut mengambil tahu aspek latarbelakang orang Asli, adat dan sosiobudaya serta gaya hidup mereka sebelum memulakan hubungan komunikasi dengan orang Asli untuk mewujudkan suasana harmoni dan mesra. Di samping itu, PMOA juga menjalin *rapport* yang baik dengan pimpinan kampung yang berpengaruh seperti Batin supaya PMOA mudah diterima oleh seluruh penduduk kampung.

#### 4.3 Konstruk Sikap PMOA

Dapatan kajian mendapati konstruk sikap PMOA berdasarkan kedudukan (rangking) bagi setiap item seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 11 bahawa PMOA perlu mempunyai motivasi yang tinggi ketika berdakwah, menjalankan tugas dakwah dengan komited dan penuh amanah, bersikap terbuka dalam gerak kerja dakwah, konsisten dan istiqamah dalam penyampaian kandungan dakwah terhadap masyarakat orang Asli, berusaha meningkatkan kualiti diri dengan menguasai ilmu dan kemahiran tertentu, prihatin atau cakna terhadap masalah masyarakat orang Asli, bersedia membantu dan berkhidmat untuk masyarakat orang Asli, mempunyai sikap kesiapsiagaan dalam dakwah, bersikap tawaduk dalam gerak kerja dakwah kepada orang Asli dan ikhlas dengan tidak berkira dalam gerak kerja dakwah. Dapatan tersebut bertepatan dengan kajian Abdul Ghafar et al (2019) yang mendapati bahawa PMOA mempunyai persediaan yang cukup dalam konteks pelaksanaan dakwah kepada orang Asli. Ilmu dan kemahiran merupakan dua elemen yang penting dalam membantu persediaan dakwah kepada masyarakat orang Asli dalam kalangan PMOA. Ini termasuklah dari segi kemampuan PMOA menjalin hubungan kemasyarakatan yang baik dengan orang Asli sendiri dan kesediaan mereka mengikuti latihan untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran berdakwah. Kajian juga merumuskan bahawa PMOA mempunyai tahap motivasi yang tinggi untuk melakukan dakwah kepada masyarakat orang Asli. Konstruk sikap PMOA dalam kajian ini, terutama aspek meningkatkan kualiti diri dengan menguasai ilmu dan kemahiran tertentu juga selari dengan kajian Muhammad Solihin & Nawi @ Mohd Nawi (2025) yang merumuskan bahawa dalam konteks Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) latihan yang berterusan diberikan kepada pendakwah yang berada di bawah seliaannya terutama kursus yang berkaitan dengan ilmu dakwah serta strategi pengajaran dan pembelajaran supaya para pendakwah berkenaan menjadi lebih kompeten dan mampu menyampaikan mesej dakwah dengan baik kepada masyarakat orang Asli. Di samping itu, menurut Noor Azemy dan Mohamad Rasit (2019) pendakwah yang berjaya seperti PMOA perlu mengatasi

masalah yang dihadapi oleh sasarannya terlebih dahulu sebelum memulakan dakwahnya supaya apa yang dilakukannya itu lebih tepat dan sesuai.

### Kesimpulan

Kesimpulannya, dapatan ini jelas menunjukkan ke semua item bagi ketiga-tiga konstruk kompetensi pendakwah masyarakat Orang Asli, iaitu: Konstruk Persediaan Diri, Konstruk Ilmu Pengetahuan dan Konstruk Sikap telah diterima baik oleh pakar. Hal ini adalah berdasarkan dapatan yang menunjukkan kesemua item dalam ketiga-tiga konstruk mendapat skor tidak melebihi nilai *threshold* 0.2 ( $> 0.2$ ) atau melebihi 75 peratus. Dapatan ini memberi signifikan dan memberi implikasi dalam pembinaan garis panduan manual standard Kompetensi Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan lain-lain pihak berkepentingan dan berkaitan gerakan dakwah terhadap masyarakat Orang Asli di Malaysia.

### Penghargaan

Artikel ini adalah sebahagian daripada projek penyelidikan FRGS/1/2021/SS03/UKM/02/2 “Pembinaan Garis Panduan Konstruk Manual Standard Dakwah Penggerak Masyarakat Orang Asli Jakim”. Penghargaan ditujukan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang menganugerahkan geran penyelidikan dan Universiti Kebangsaan Malaysia yang memberi kemudahan dalam menjalankan penyelidikan ini. Terimakasih juga diucapkan kepada Cik Nur Ayuni Nazuha Mohd Rosli Pembantu Penyelidik Siswazah yang banyak membantu kerja-kerja penyelidikan.

### Rujukan

- Abdul Ghafar Don, Anuar Puteh, Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Zulkefli Aini, Badlihisam Mohd.Nasir, Marlon Guleng. (2019). Readiness, Attitude and Motivation Of Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) in The Preaching Activity To Indigenous Peoples In Malaysia. *ISLAMIIYAT*. 41(2), 99 - 105
- Aini, Z., & Sabri, N. S. (2019). Bentuk-bentuk gerakan Kristianisasi dalam masyarakat Orang Asli di Perak: Forms of Christianization to the Orang Asli in Perak. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(2), 125–141.
- Asmadi Abdul Rahman & Ramlan Mustapha. (2020). Cabaran Pelaksanaan Dakwah terhadap Masyarakat Orang Asli oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang. *Islamiyyat* 42: 59-69.
- Bahagian Dakwah JAKIM. (2022). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Putrajaya.
- Al-Bayanuni, Muhammad Abu al-Fath. (1995). *Al-Madkhal Ila 'Ilm al-Da'wah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Cheng C.H & Lin Y. (2002). Evaluating The Best Main Battle Tank Using Fuzzy Decision Theory With Linguistic Criteria Evaluation. *European Journal Of Operational Research* 142 (1): 74-86.
- Chu H.C. & Hwang G.J. (2008). A Delphi-Based Approach To Developing Expert Systems With The Cooperation Of Multiple Experts. *Expert Systems With Applications* 34(4):2826-2840. doi: 10.1016/j.eswa.2007.05.034. Epub 2007 May 18. PMID: 32288332; PMCID: PMC7127119.
- Faiz Rahim & Zulkefli Aini. (2017). Domain Ilmu Pendakwah Masyarakat Orang Asli. *Journal Of Islamic, Social, Economics and Development* 2 (6): 166-182.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2022). Bilangan Penduduk Mengikut Jantina dan Negeri. Portal Rasmi Jabatan Kemajuan Orang Asli.
- Izzaty Ulya Munirah Abd Aziz & Zainab Ismail. (2018). Trait Personaliti Pendakwah Muslim: Satu Sorotan Literatur. *Al-Hikmah* 10(1) 2018: 34-54.
- Ismail Naim Abdullah. (2020). Persiapan Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) Dalam Aspek Pengetahuan Dan Kemahiran. Disertasi Sarjana Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Ridhuan Bin Mohd Jamil & Nurulrabihah Mat Noh. (2020). Kepelbagaian Metodologi Dalam Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan. Shah Alam, Selangor. Qaisar Prestige Resource.
- Mohd. Ridhuan Mohd. Jamil, Zaharah Hussin, Nurul Rabihah Mat Noh, Ahmad Arifin Sapar & Norlidah Alias. (2013). Application of Fuzzy Delphi Method in Educational Research. Design and

- Developmental Research. Dlm. Saedah Siraj, Norlidah Alias, Dorothy DeWitt & Zaharah Hussin (pnyt). Kuala Lumpur: Pearson Malaysia Sdn. Bhd
- Muhamad Faisal Ashaari & Nabil Ahmad. (2020). Elemen dalam Kandungan Program Latihan dan Bimbingan Kepada Pendakwah. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. Vol 3(2):186-198.
- Muhamad Rozaimi bin Ramle, Wahyu Hidayat bin Abdullah & Mohd Noor Adli bin Othman. (2021). Analisis Kepentingan Ilmu Fiqh di Sisi Ulama Hadis. *Journal of Hadith Studies*. Vol 6 (1): 1-9.
- Muhammad Solihin Abd Razak & Nawi @ Mohd Nawi Ismail. (2025). Usaha Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) dalam Perkembangan Dakwah Orang Asli di Negeri Kelantan. *RABBANICA*. 6(1), 60-77.
- Muhammad Zaim & Khazri Osman. (2022). *Metode Dakwah Peribadi Pendakwah dalam Menyebarkan Dakwah kepada*. Seminar Dakwah & Wahdah al-Ummah 2022, Interaksi Dakwah di Malaysia Merentas Zaman. Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Muhammad Zulazizi Mohd Nawi, Muhammad Amirul Mohd Nor, Mohd Rashidi Omar & Norhisham Muhamad. (2021). Pembacaan Al-Quran dalam Pendidikan Masa Kini: Satu Tinjauan Umum. *Jurnal al-Turath*. Vol 6: (1):43-55.
- Noor Azemy, M. N., & Mohamad Rasit, R. (2019). Pendekatan Street Dakwah kepada Bukan Islam dalam Kalangan Pendakwah NGO Muslim di Pulau Pinang (Tahap Kefahaman Pendakwah Mengenai Street Dakwah). *Jurnal Pengajian Islam*, 12(2), 120–131.
- Noraini Jusoh, Ahmad Mushidi Mustapha, Mohd Nazri Mat Zin, Affendi Ismail, Zanirah Mustafa@Busu & Wan Zurina Nik Abdul Majid. (2022). *Pembangunan Akidah Orang Asal di Malaysia: Isu dan Cabaran*. Proceedings Science Ethics & Civilization Vol 1: 96-102.
- Noraini, Mariam Abd Majid & Badlihisam Mohd Nasir. (2018). *Pendekatan Dakwah Dalam Kaedah Pengajaran Kepada Mualaf*. Research Gate. International Islamic University College Selangor.
- Nor Izzatul Husna Burhan. (2022). Pembangunan Elemen Pendakwah Orang Asli Di Kelantan. Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (1978). *Thaqafah al-Da'iyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Siti Nurleha, S., Sakinah, A. M., Mohd Fuad, M., & Mohd Hafiy, A. R. 2024. Isu-Isu Pendidikan Pelajar Masyarakat Orang Asli di Sekolah Menengah Agama Rakyat Orang Asli Nurul Hidayah, Kg. Kenang Sungai Siput. 7th World Conference on Islamic Thought & Civilization | WCIT2024. Halaman 120-127.
- Suhana Abd Hamid & Ahmad Marzuki. (2017). Prinsip Amanah Yang Mempengaruhi Al-Qalb Dalam Kepimpinan Pendidikan Serta Dorongan Pelaksanaan Syura. *Proceeding of 1st International Conference on Research, Language, and Education (ICoRaLE2017) 11th October 2017*. International Islamic University College Selangor.
- Wan Nor Hana Wan Ismail, Intan Farhana Saparudin, Ahzilah Wahid & Ahmad Sharifuddin Mustapha. (2024). Amalan Beragama Orang Asli Muslim di Semenanjung Malaysia: Kajian Analisis Bibliometrik. *Journal of Quranic Sciences And Research*. 5(1), 72-79.
- Zaydan, 'Abd al-Karim. (1993). *Usul al-Da'wah*. Cetakan ke-3. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Zulkefli Aini, Abdul Ghafar Don, Adawiyah Ismail & Anuar Puteh (2024). *Garis Panduan Dakwah di Kawasan Pedalaman*. Bangi: Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam.
- Zulkefli Aini & Faiz Rahim. (2020). Maklum Balas Orang Asli Terhadap Pendakwah di Selangor. *Jurnal Hal Ehwal Islam Selangor* Bil 4(1):5-15.
- Zulkefli Aini & Nor Izzatul Husna Burhan. (2022). Pembangunan Pendakwah Orang Asli Daripada Aspek Kerohanian: Satu Pendekatan Fuzzy Delphi. *Al-Hikmah* 14 (2): 24-47.
- Zulkefli Aini & Nur Uswah Ahmad Fauzi. (2020). Mesej akidah dan syariah dalam komunikasi dakwah Orang Asli Muslim di Selangor. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. 3(2), 173-185.
- Zulkefli Aini, Abdul Ghafar Don, Ahmad Irdha Mokhtar & Nur Husna Damia Nor Sad (2019). Pengamalan Bentuk-Bentuk Komunikasi Dakwah Pendakwah Orang Asli. *Al-'Abqari Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*. 13 (May),103-116.
- Zulkefli Aini, Abdul Ghafar Don, Ahmad Irdha bin Mohkhtar & Nur Uswa binti Ahmad Fauzi. (2018). Strategi Komunikasi Pemujukan Pendakwah dalam Penyampaian Mesej Islam Kepada Masyarakat Orang Asli di Selangor. *International Conference on Islamiyyat Studies 2018*. Organized by Faculty of Islamic Civilisation Studies International Islamic University College Selangor, Malaysia.

Zulkefli Aini, Abdul Ghafar Don, Ahmad Irdha Mokhtar & Nur Uswah Ahmad Fauzi. (2018). Pengamalan Bentuk Komunikasi Pemujukan Dalam Kalangan Pendakwah Masyarakat Orang Asli di Selangor. *Jurnal Pengajian Islam*. 11(2), 63-79.